

# AUTOMASIKAN PEJABAT ANDA DENGAN PRODUK BIOMETRIK FINGERTEC



Sistem pengenalan biometrik semakin menjadi trend terkini dalam sistem automasi pejabat, namun, bukan mudah untuk sampai ke tahap ini. Walau pun secara perlahan-lahan, pihak pengurusan telah mula melihat kelebihan menggunakan sistem biometrik dalam pengurusan pekerja kerana ia mengurangkan kesilapan yang disebabkan oleh insiden seperti "buddy punching".

Selain daripada harga yang kompetitif untuk semua produk cap jari, FingerTec juga telah menjalankan pelbagai usaha untuk memperkenalkan produknya sebagai "DIY", memperbaiki jurang antara teknologi dan pengguna untuk mengurangkan kos dan masa implementasi secara signifikan. Kamai juga telah berusaha menjadikan FingerTec boleh diimplementasikan secara global dengan menawarkan bahasa tempatan di dalam perkakasan dan perisian kami. Mari lihat kelebihan memilih produk FingerTec.

## Apa yang anda boleh harapkan apabila membeli terminal FingerTec

### Perkakasan berkualiti tinggi



Pensijilan FCC dan CE, kawalan kualiti yang ketat,

verifikasi 1:N yang telah dibuktikan keberkesannya, penetapan masa kedatangan dan akses kontrol asas dan lanjutan – Secara keseluruhan, produk FingerTec adalah boleh dipercayai dan mesra pengguna, seperti yang telah dibuktikan dengan pelbagai sijil pengawasan kualiti kami. Terminal FingerTec boleh didapati dalam pelbagai bahasa, sama ada di perkakasan dan perisian. Pilih bahasa anda semasa membuat tempahan!

### Jaminan Produk Global

Apabila anda membeli terminal biometrik FingerTec, anda layak untuk jaminan pengguna selama 36 bulan, bermula dari tarikh pembelian. Ini bermakna, sekiranya ada sebarang bahagian yang dijamin rosak atau tidak berfungsi dengan baik, kami akan baiki atau menukar bahagian itu tanpa sebarang soalan lanjut. Mudah dan telus.

**FINGERTEC**  
**JAMINAN GLOBAL PRODUK**

Emel:  
Hubungi support@fingertec.com dan anda akan terima balasan dalam tempoh 12 jam, dijamin.

Online Chat:  
Skype kami untuk sokongan pantas (GMT +8)

Team Viewer  
Benarkan kami menganalisis secara terus sebarang kesilapan dan ketidakstabilan produk, dan benarkan kami membaikinya segera.

### Perisian Sokongan Intensif



Semua produk kami dilengkapi dengan satu perisian pakej iaitu TCMS V2 - Satu perisian yang terbukti berkesan yang menyediakan fungsi masa kedatangan dan akses kontrol yang komprehensif, menjana 16 laporan berguna, serta boleh diintegrasikan mudah dengan perkakasan FingerTec yang digunakan oleh ribuan di seluruh dunia.

### Going Green DVD

DVD Going Green ini mengandungi semua yang anda perlukan. Sejarah dengan misi baru kami untuk mengurangkan pencemaran yang berkaitan dengan FingerTec, kami kini telah memadatkan perisian, panduan video, panduan mula cepat, panduan pemasangan, dan manual di dalam DVD yang dipanggil Going Green DVD. Kesemua manual ini telah dijilid supaya anda boleh mencetaknya jika diperlukan. Kami juga telah meletakkan beberapa pautan yang berguna seperti pautan ke laman Pengguna dan laman pendaftaran jaminan.

### Laman Sokongan Pengguna Akhir



FingerTec mementingkan setiap pengguna. Oleh itu, kami telah mencipta laman sesawang Sokongan Pengguna. Di laman ini, anda akan menemui pautan yang menyambungkan anda ke laman pendaftaran jaminan, tips teknikal, katalog aksesori, kami dan informasi terkini untuk perisian kami, TCMS V2. Adakah kunci pengaktifan TCMS V2 anda hilang? Sila ke laman sesawang kami untuk mendapatkan kunci yang baru, atau anda boleh meninggalkan komen anda melalui borang maklumbalas.

### Emel dan Sokongan Atas Talian



Bukan itu sahaja, FingerTec juga mempunyai beberapa borang sokongan dan komunikasi yang boleh anda gunakan sekiranya anda menghadapi masalah dengan produk kami. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila emel kami dan anda akan mendapat balasan dalam masa 24 jam, atau sekiranya anda mempunyai masalah dengan salah satu produk kami, anda boleh emel ke pasukan teknikal kami untuk balasan dalam masa 12 jam, atau anda boleh hubungi juruteknik kami di laman chat atas talian dan berkomunikasi dengan mereka secara terus!